

Hishammuddin, Muhyiddin patut bincang dengan Rusia, kata Guan Eng
Malaysian Insider
July 20, 2014
OLEH LOOI SUE-CHERN

DAP mendesak Putrajaya menghantar menterinya berbincang dengan Rusia berhubung nahas pesawat MH17 yang terhempas di Ukraine Khamis lalu, kerana kerajaan mempunyai pengaruh terhadap negara berkenaan.

Setiausaha Agungnya Lim Guan Eng berkata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein patut ke Rusia mengadakan perbincangan itu.

"Memandangkan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai sudah ke Ukraine, Hishammuddin patut ke Rusia. Mungkin tidak cukup jika Hishammuddin ke sana seorang diri. Kita perlu sedar Rusia ialah kuasa besar.

"Memandangkan ia ada kaitan dengan isu diplomatik, mungkin Muhyiddin boleh menemani Hishammuddin," kata Lim yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, pada sidang media di George Town, hari ini.

Liow berlepas ke Kiev, ibu negara Ukraine, semalam untuk memastikan pasukan penyiasatan mendapat laluan selamat ke tapak di mana pesawat Malaysian Airlines (MAS) itu terhempas.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan pasukan khas dari Wisma Putra juga akan berlepas ke Ukraine malam ini. Mereka dijangka mengadakan pertemuan dengan pemimpin Ukraine esok berhubung insiden itu.

Malaysia membangkitkan kebimbangan terhadap integriti lokasi kemalangan yang terjejas berikutan kawasan itu tidak ditutup dengan sempurna dan terdedah kepada pencerobohan dan orang awam.

Media antarabangsa melaporkan semalam penjarah mula datang ke kawasan itu.

Dilaporkan juga pemberontak pro-Rusia dalam kawasan bergolak itu dilarang masuk ke kawasan kemalangan.

Kumpulan pertama penyiasat antarabangsa Organisasi untuk Keamanan dan Kerjasama di Eropah (OSCE) yang berada di tempat kejadian terlibat dengan keadaan tegang berdepan dengan puak pemisah bersenjata yang mengawal kawasan nahas di Grabovo, lapor The Guardian semalam.

Para penyiasat berundur selepas sejam jarak tempuh, kerana kesukaran mendapatkan laluan masuk.

Mereka diberi bunyi tembakan yang dilepaskan oleh unit komander pemberontakan terbabit sebagai tanda amaran, lapor akhbar British itu.

Media antarabangsa turut melaporkan puak pemisah dikatakan mengganggu 'kawasan jenayah antarabangsa' untuk menghapuskan bukti.

MH17 yang dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur pada Khamis dikatakan ditembak menggunakan peluru berpandu ketika terbang di Wilayah Timur Ukraine.

Boeing 777 itu terhempas berhampiran sempadan Ukraine-Rusia di daerah Donetsk.

Dilaporkan semua 298 penumpang dan anak kapal maut dengan jumlah warganegara Belanda paling ramai, iaitu 192 orang.

Warganegara lain ialah Malaysia (44), Australia (28), Indonesia (12) dan Britain (10). – 20 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hishammuddin-muhyiddin-patut-bincang-dengan-rusia-kata-guan-eng#sthash.Q04hCGOI.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/hishammuddin-muhyiddin-patut-bincang-dengan-rusia-kata-guan-eng>